

Roslinda Binti Abdul Razak

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Monday, March 6, 2017 4:52 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: Alumni MBA OYAGSB Ringankan Beban Penduduk Tanjung Dawai



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



06 MAC 2017 / 07 JAMADILAKHIR 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan foto oleh : Mohd Nor Hidayat Bidin

ALUMNI MBA OYAGSB RINGKANKAN BEBAN PENDUDUK TANJUNG DAWAI



UUM ONLINE: Sungai Petani - "Saya amat bersyukur kerana sumbangan ini sedikit sebanyak meringankan beban saya selaku ketua keluarga," luah Rosmawati Mohd Noor, 37, ibu tunggal kepada tiga anak perempuan semasa menerima sumbangan di dalam Program 'Free Market' anjuran Kelab Alumni Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA), Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business (OYAGSB) Universiti Utara Malaysia (UUM) di Tanjung Dawai dekat sini baru-baru ini.

Sebanyak 50 keluarga dipilih menerima sumbangan pek makanan dan wang tunai menerusi program ini yang bertujuan meringankan beban komuniti sasar dari golongan kurang mampu, ibu tunggal, anak yatim dan golongan kurang upaya di perkampungan nelayan Tanjung Dawai.

Presiden Kelab Alumni MBA OYAGSB UUM, Abdul Ghafur Hanafi, 55, berkata sumbangan yang direalisasikan dari cetusan idea rakan-rakan itu diharap dapat meringankan sedikit sebanyak beban keluarga penerima yang terpilih.

"Ini adalah hasil kerjasama rakan-rakan seperjuangan yang mana kami mengharapkan dapat menyumbang kembali apa yang termampu kepada komuniti di sini. Program kemasyarakatan seperti ini merupakan tanggungjawab sosial kami kepada komuniti yang akan digerakkan lagi dengan skala yang lebih besar pada masa hadapan," katanya.

Program yang bermula jam 2.30 petang ini melibatkan 50 penerima dan digerakkan oleh lapan orang sukarelawan program MBA. Keperluan pek makanan dan wang tunai bagi program ini diterima dari pelbagai sumber terutamanya alumni MBA UUM.

Terdahulu, pada sesi pagi, Kelab Alumni MBA telah mengadakan "free market" pakaian terpakai yang menyasarkan penduduk setempat dari perkampungan nelayan.

"Pakaian terpakai yang disumbangkan oleh pelbagai pihak ini dikumpulkan untuk penduduk setempat mendapatkannya. Sambutan yang ditunjukkan penduduk amat menggalakkan walaupun program dijadualkan bermula jam 8.30 pagi, namun penduduk kampung telah mula berkumpul seawal jam 8.00 pagi lagi," ujar Pengarah Program Free Market Tanjung Dawai, Sarida Hassim.

Tambahnya pek sarapan pagi percuma yang disediakan penganjur kepada 200 pengunjung terawal turut menjadi faktor yang menarik kehadiran penduduk setempat ke program ini.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
04-928 3048/3049/3052/3061
04-928 3053
ukkuum@uum.edu.my
Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in

this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.